

Siswa NUS erat silaturahmi antara warga emas, belia di Bedok

Program anjuran BeKhayr santuni warga emas hidup sendiri, pupuk hubungan akrab antara generasi

LUQMANUL HAKIM ISMAIL
luqhakim@sph.com.sg

Hidup bersendirian bukan penghalang untuk Cik Julia Ahmad, 71 tahun, terus aktif mencari peluang mengisi masa lapang sambil mengeratkan silaturahmi.

Rutin minggunya sering diisi dengan kelas agama serta kunjungan ke Pusat Penuaan Aktif NTUC Health (Penjagaan) di Bedok North pada setiap Rabu dan Jumaat.

Namun, kunjungan istimewa pada 23 April itu berbeza apabila beliau berpeluang mempelajari seni bela diri silat buat kali pertama, selain beramah mesra dengan para mahasiswa daripada Universiti Nasional Singapura (NUS).

Cik Julia antara sekitar 40 warga emas di pusat tersebut

yang menyertai pelbagai kegiatan menarik di bawah acara 'BeRiang BerKhayr' yang berlangsung pada 23 April.

Acara itu dianjurkan oleh BeKhayr, cabang di bawah Persatuan Muslim NUS (NUSMS), yang gigih menabur bakti kepada pelbagai golongan rentan di Singapura.

Menurut Penolong Pengarah BeKhayr, Encik Muhammad Darnial Roslan, penganjuran acara itu bermatlamat memberi ruang kepada warga emas di kejiranan Bedok untuk membina rangkaian sosial yang lebih akrab dan menyeluruh.

"Kami ingin membantu mereka menjalin silaturahmi bersama penduduk lain dan juga menggalakkan interaksi merentasi generasi.

"Kami juga ingin menyantuni warga emas yang hidup bersendi-

rian," ujar mahasiswa jurusan sastera itu.

Kerianan terpancar pada wajah Cik Julia saat menyertai pelbagai kegiatan menarik: dari sesi senaman dan seni kraf tangan, hingga permainan digital serta tradisional.

Sebelum ini, beliau telah menyertai dua lagi inisiatif BeKhayr, termasuk sesi memasak dan iftar di Pusat Penuaan Aktif NTUC Health (Kampung Kembangan) serta Masjid Al-Abdul Razak pada Februari lalu.

Beliau juga menyertai acara berjalan santai di kejiranan Bedok North sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pada April, yang dikendalikan di cawangan penjagaan di Bedok North.

Turut memeriahkan acara 'BeRiang BerKhayr' ialah Cik Rahimah Othman, yang biasanya bersendirian pada waktu si-



Peserta program BeKhayr, Cik Julia Ahmad (kiri), dan sukarelawan, Cik Humaira Sumaiya Mohamad Fariz, mencuba gerakan silat di acara 'BeRiang BerKhayr' di Pusat Penuaan Aktif NTUC Health (Penjagaan) di Bedok North pada 23 April. — Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

ang apabila anaknya ke sekolah.

Walaupun kerap mengunjungi pusat tersebut di Bedok North untuk memanfaatkan masa lapang bersama rakan-rakan, Cik Rahimah tersentuh oleh usaha sukarelawan BeKhayr.

"Kadangkala, warga emas tidak ada teman, jadi saya amat menghargai anak-anak muda yang peramah, baik hati dan sudi meluangkan masa untuk bersama kami," kata Cik Rahimah, 64 tahun.